



# SIARAN MEDIA

## ***MEDIA RELEASE***

KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

*MINISTRY OF FINANCE MALAYSIA*

---

### PELAKSANAAN PROGRAM BANTUAN RAKYAT 1MALAYSIA (BR1M 2014)

1. Pada pembentangan Bajet 2014 baru-baru ini, Kerajaan telah mengumumkan pemberian bantuan tunai (BR1M 2014) dan Insurans Takaful Berkelompok Rakyat 1Malaysia (i-BR1M). Bantuan ini adalah tanda keprihatinan Kerajaan dalam usaha untuk membantu meringankan kos sara hidup serta selaras dengan peralihan kepada dasar pelaksanaan subsidi bersasar kepada golongan berpendapatan rendah. Secara Keseluruhan, program BR1M 2014 dijangka akan memanfaatkan hampir 5.9 juta isi rumah dan 2 juta individu bujang.

2. Kriteria program BR1M 2014 akan ditambah baik seperti berikut:

- a) bagi kategori isi rumah berpendapatan bulanan RM3,000 dan ke bawah, nilai bantuan akan ditingkatkan daripada **RM500 kepada RM650**;
- b) Sebagai tambahan, kategori bantuan juga **diperluaskan** kepada isi rumah berpendapatan bulanan di antara **RM3,001 hingga RM4,000 dengan nilai bantuan RM450**;
- c) memperkenalkan **caruman i-BR1M** bernilai RM50 **kepada** penerima **isi rumah** BR1M dengan nilai **perlindungan maksimum sehingga RM30,000** sekiranya berlaku **kematian atau hilang upaya kekal**;
- d) **Warga emas sebatang kara** (berumur 60 tahun dan ke atas) akan menerima kenaikan jumlah BR1M iaitu daripada **RM500 kepada RM650**; dan

- e) bagi kategori **bujang** berumur 21 tahun dan ke atas (lahir pada tahun 1993 atau sebelumnya) dengan pendapatan bulanan RM2,000 dan ke bawah, bantuan akan ditingkatkan daripada **RM250 kepada RM300.**
3. Bagi penerima BR1M sedia ada, mereka tidak lagi perlu mendaftar untuk kali kedua manakala pemohon baru boleh mendaftar **secara atas talian atau secara manual** dengan mengisi borang permohonan BR1M 2014. Penerima BR1M sedia ada boleh membuat pengemaskinian maklumat bagi memasukkan maklumat data peribadi terkini merangkumi alamat, ahli keluarga dan maklumat akaun bank.
4. Pendaftaran permohonan BR1M 2014 akan bermula pada **23 Disember 2013 dan akan berakhir pada 31 Januari 2014.** Ini bagi memberi ruang masa yang cukup kepada pemohon dan mempercepatkan proses kelulusan permohonan. Borang-borang permohonan BR1M 2014 boleh didapati secara percuma mulai tarikh tersebut, di Pejabat Cawangan dan Pusat Khidmat Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM), Jabatan Pembangunan Persekutuan, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) atau dimuat turun melalui laman sesawang LHDNM : [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my).
5. Pembayaran BR1M 2014 akan dibuat kepada penerima yang layak mulai Februari tahun 2014.
6. Sebarang persoalan boleh menghubungi **talian hotline 1-800-88-2716** yang beroperasi dari jam 9 hingga 5 petang, Isnin hingga Jumaat bermula 23 Disember 2013.

**Kementerian Kewangan Malaysia  
17 Disember 2013**